

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN AKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF
[JEMPOL]**

SOALAN

minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sebarang dasar baharu yang akan diperkenalkan bagi memperkukuh agenda hal ehwal perpaduan dan integrasi nasional agar lebih inklusif, jelas serta mampan dalam menangani isu perpaduan negara secara holistik.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian telah merangka Dasar Perpaduan Negara (DPN). Adalah diharapkan dengan wujudnya DPN ini akan memberikan hala tuju yang lebih jelas untuk mengangkat agenda perpaduan negara dengan lebih serius di semua peringkat jentera pelaksanaan.

Kementerian juga sedang di peringkat akhir menyiapkan draf akhir Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2025. Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) menggariskan program dan aktiviti spesifik yang disusun secara jelas dan kohesif merentasi agensi kerajaan untuk dilaksanakan dalam tempoh jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang bagi tempoh 5 tahun bermula Januari 2021 hingga 2025.

PTPN ini memperkenalkan pelan baharu berasaskan beberapa perkara:

- i) Mengambil kira perubahan semasa masyarakat, negara dan pasaran;
- ii) Menerapkan Rukun Negara sebagai teras kepada PTPN;
- iii) Menyusun strategi tindakan yang konkrit dan spesifik untuk dilaksanakan dalam tempoh tertentu bagi memudahkan pemantauan berkala;
- iv) Menjadi panduan dan rujukan bagi setiap individu dan agensi mengenai sebuah pelan tindakan bagi merealisasikan usaha ke arah perpaduan negara; dan
- v) Memudahkan tindakan intervensi dilakukan bagi maksud penambahbaikan berterusan.

PTPN bersifat spesifik, inklusif dan holistik yang bakal memandu pelaksanaan hala tuju negara merentasi pelbagai Kementerian dan Agensi Kerajaan bagi menggerakkan usaha-usaha ke arah penyatuan dan integrasi nasional.

Sekian, terima kasih.